

## Sime Darby Property Membuktikan Komitmen kepada Biodiversiti Bandar dengan Taman Komuniti Putra Heights

- Sime Darby Property secara rasminya telah melancarkan taman seluas 7.6 ekar ini yang terletak di perbandaran Putra Heights;
- Taman Komuniti Putra Heights yang serba baharu ini menempatkan 442 pokok yang terdiri daripada 30 spesies yang pelbagai termasuk spesies tumbuhan terancam.

**ARA DAMANSARA, 6 FEBRUARI 2024** – Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property" atau "Syarikat") menekankan komitmennya terhadap biodiversiti bandar dengan Taman Komuniti Putra Heights di Putra Heights.

Taman Komuniti Putra Heights yang berkeluasan 7.6 ekar ini telah disiapkan pada Januari 2024 dan menandakan kejayaan Syarikat dalam usaha penjagaan alam sekitar melalui pemeliharaan ekosistem. Taman serba baru ini menempatkan 442 pokok yang terdiri daripada 30 spesies yang pelbagai, separuh daripadanya merangkumi spesies tumbuhan terancam yang diiktiraf oleh Kesatuan Antarabangsa untuk Pemeliharaan Alam Semula Jadi (*International Union for Conservation of Nature* atau "IUCN").

Dibina dengan konsep inklusiviti, taman ini dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang sesuai dan selamat untuk kanak-kanak dan warga emas dengan atau tanpa kekurangan upaya, termasuk laluan pejalan kaki yang mesra kerusi roda dengan panduan yang jelas. Taman ini juga dilengkapi dengan lampu LED solar yang memanfaatkan sumber semula jadi untuk menjana tenaga. Selain menikmati persekitaran yang tenang, pengunjung juga boleh melakukan pelbagai aktiviti riadah bersama keluarga di taman ini.

Pada majlis pembukaan rasmi taman, Ketua Pegawai Eksekutif – Pembangunan Hartanah, Dato' Ir. Mohd Sohimin Mohd Alayedin, menekankan komitmen Syarikat terhadap pemuliharaan biodiversiti dan pembangunan komuniti mampan.

"Sebagai *Force for Good*, Sime Darby Property mengutamakan kemampanan dalam semua yang kami lakukan. Kami kekal komited dalam menjaga dan memulihara alam sekitar bermula dari pembangunan kami," katanya.

Tambah Dato' Sohimin: "Dalam menyokong ikatan komuniti dan *placemaking*, kami berusaha untuk memenuhi keperluan penduduk perbandaran kami dengan menyediakan pembangunan dan kemudahan awam yang berkualiti tinggi. Pembinaan Taman Komuniti Putra Heights ini mengukuhkan Matlamat Syarikat sebagai Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet."

Pembukaan rasmi Taman Komuniti Putra Heights disaksikan oleh Datuk Bandar MBSJ, YBhg Dato' Haji Mohd Fauzi Mohd Yatim dan ADUN Kota Kemuning, YB Tuan Preakas Sampunathan, antara tetamu lain.

Sejak penubuhannya pada tahun 1999, Putra Heights yang berkeluasan 1,700 ekar ini telah menarik penduduk yang mengingini kawasan kediaman yang damai, mampan dan serba lengkap dengan perhubungan cemerlang ke pusat bandar. Terletak di kaki bukit Bukit Cermin di selatan Subang Jaya, perbandaran bersepadu yang tenang ini mempunyai populasi lebih 30,000 orang.

Projek terbaru Syarikat di Putra Heights juga merupakan Pembangunan Berorientasikan Transitnya yang pertama dan merangkumi Serasi Residences yang diminati ramai. Terletak secara strategik di Putra Heights Sentral, Serasi Residences memenuhi permintaan tinggi untuk hartanah berdekatan dengan pusat pengangkutan awam utama. Pembeli rumah akan pasti menghargai laluan berbumbung sepanjang 400 meter ke stesen LRT Putra Heights, yang bersambung kepada laluan Kelana Jaya dan Sri Petaling serta memberikan akses langsung kepada penggunaannya kepada pelbagai destinasi utama seperti Bangsar, KL Sentral, KLCC, Wangsa Maju, Bukit Jalil, antara lain.

Dijangka untuk siap menjelang 2026, Serasi Residences turut menawarkan unit Servis Apartment Mampu Milik seluas 550 kaki persegi pada harga RM250,000. Untuk maklumat lanjut, layari [www.simedarbyproperty.com/putra-heights/serasi-residences/](http://www.simedarbyproperty.com/putra-heights/serasi-residences/) atau kunjungi Galeri Jualan Putra Heights.

#### - TAMAT SIARAN -

#### Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampanan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, Bandar Hamilton Nilai, dan Zon Ekonomi Khas Pagoh. Sime Darby Property juga merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangannya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk menghadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi, dan Planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property diiktiraf di peringkat dunia dengan kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023, dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk All-Stars di StarProperty Awards 2023, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2022, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2023, Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2023, serta dinamakan sebagai salah satu daripada tiga pemaju hartanah terbaik Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2023'.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)  
Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | [adela.megan@simedarbyproperty.com](mailto:adela.megan@simedarbyproperty.com)  
Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)